

**PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM BELAS
NEGERI SABAH**

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI KHAMIS, 01 DISEMBER 2022, PUKUL 10:00 PAGI

Bil. 14

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

- *1. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, berapakah hutang Cukai Jualan Negeri oleh Syarikat Repsol Oil & Gas Ltd. dan SEA Hisbiscus Sdn. Bhd. sehingga bulan Oktober 2022.
- *2. **YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, adakah kerajaan merancang untuk memasang lampu jalan di sepanjang jalan sejauh 36km yang telah pun diturap di Pulau Bum-Bum Semporna.
- *3. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR:-**
 - a) bilakah dasar dan syarat-syarat MM2H (*Malaysia My Second Home*) untuk Sabah diumumkan; dan
 - b) berapakah bilangan pemohon yang dijangkakan dan daripada negara manakah pemohon-pemohon tersebut.
- *4. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah rancangan kerajaan bagi memperkasa aktiviti nelayan kecil dan tradisi.
- *5. **YB. Tuan Hiew Vun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, adakah kementerian sudah mula melakukan kajian keboleh-laksanaan terhadap tapak yang baharu untuk Pasar Karamunting yang sudah tidak lagi sesuai untuk dibaik-pulih berdasarkan skala kerosakan struktur yang terkini.
- *6. **YB. Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI**, adakah kawasan Kalabakan dan Serudung Laut tersenarai dalam cadangan pembinaan menara komunikasi. Jika tersenarai, apakah status cadangan tersebut.
- *7. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah status usaha-usaha dan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk memudahkan penyertaan belia dalam pembangunan industri tempatan untuk menangani isu pengangguran.

- *8. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah rancangan kementerian untuk mendirikan fasiliti khas untuk kanak-kanak istimewa khususnya di luar bandar.
- *9. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, kenapakah masih terdapat aduan berkenaan kelewatan pemberian elaun bulanan dan elaun mesyuarat kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan apakah usaha yang telah diambil bagi mengelak masalah ini berulang.
- *10. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, apakah usaha untuk membantu pelajar institusi tinggi dari luar bandar yang melanjutkan pelajaran di IPTA/IPTS untuk menjamin kelangsungan hidup dengan adanya perbelanjaan harian/bulanan (makanan, sewa bilik, internet) yang perlu ditanggung dalam masa ekonomi merundum dan kenaikan harga barang.
- *11. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, berapakah bilangan/unit lampu jalan di kawasan Sri Tanjong yang berada di bawah kawal selia dan diselenggara oleh Majlis Perbandaran Tawau dan berapa banyakkah yang masih berfungsi.
- *12. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah langkah kerajaan untuk pastikan lebuh raya Pan-Borneo siap pada masa yang ditetapkan.
- *13. **YB. Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak [Usukan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah perancangan kerajaan untuk membantu para pesakit yang mempunyai temu janji di hospital kerajaan yang mengambil masa yang lama untuk berjumpa dengan doktor disebabkan oleh kekurangan doktor khususnya di Hospital Kota Belud.
- *14. **YB. Tuan Tan Lee Fatt [Likas]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS TUGAS- KHAS DAN PENYELARASAN**, nyatakan skop kerja, perbelanjaan dan status 112 projek sekolah daif dan 13 projek sekolah baharu dalam Rolling Plan 3 (RP3), Rancangan Malaysia ke 12 (RMK 12) di Sabah.
- *15. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, berapakah Menara Komunikasi dibawah peruntukan JENDELA yang telah siap dan sedang dibina di daerah Telupid.

- *16. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, adakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk memulakan projek bina baharu sebuah stadium berpusat di kawasan pedalaman di negeri ini bagi memastikan bakat dan peluang anak muda kawasan pedalaman di negeri ini dapat dicungkil khususnya dalam bidang sukan antarabangsa.
- *17. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah status penubuhan Jabatan Kehakiman Anak Negeri dan berapakah peruntukan yang diperlukan untuk memastikan jabatan tersebut akan berfungsi dengan efektif.
- *18. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan bercadang melaksanakan formula 40:40:20 (Bumiputera Islam, Bumiputera Bukan Islam dan Bukan Bumiputera) dalam pengambilan ke perkhidmatan awam negeri.
- *19. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, sekiranya virus Covid-Omicron XBB yang dikatakan lebih 'ganas' daripada gelombang pertama COVID-19 ini melanda ke Sabah, adakah vaksin untuk mengurangkan gejala dan kesakitan dari jangkitan tersebut.
- *20. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah langkah kerajaan untuk pastikan kes kecurian air dan elektrik dapat diatasi.
- *21. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah perancangan kementerian untuk pembangunan belia di negeri ini menjelang tahun hadapan.
- *22. **YB. Tuan Chong Chen Bin [Tanjong Kapor]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, adakah hasil kutipan 40% dapat diambil terus oleh kerajaan negeri dan baki 60% dipulangkan semula kepada Kerajaan Persekutuan seperti yang terkandung dalam Perkara 112C
- *23. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah langkah yang akan diambil kerajaan negeri dalam memastikan tahap keselamatan di kawasan perairan di Pantai Timur Sabah.
- *24. **YB. Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, berapakah bilangan sekolah daif bagi sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh Sabah ketika ini.

- *25. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah jaminan kerajaan untuk memastikan kakitangan awam negeri Sabah sentiasa menjalankan amanah dengan jujur dan mematuhi tugas sebenar.
- *26. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah pelaksanaan projek menaik taraf jalan berturap bagi jalan Lumou ke Bertasia daerah Telupid seperti yang diumumkan Perdana Menteri di Kinabatangan tahun ini.
- *27. **YB. Tuan Haji Dumi Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah tindakan kerajaan untuk menyelesaikan masalah banjir yang kerap berlaku apabila hujan di Kampung Sepagaya Km 5 Jln Lahad Datu/Kunak yang menyebabkan kawasan perkuburan dan kawasan masjid ditenggelami air.
- *28. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah saluran paip bekalan air terawat yang terletak jauh dari kawasan perkampungan yang menyukarkan penyambungan bekalan air oleh penduduk kampung.
- *29. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, apakah usaha kementerian dalam meningkatkan prasarana pendidikan Sekolah Agama Rakyat di negeri Sabah.
- *30. **YB. Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, berkenaan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak kementerian bagi menaik tarafkan jalan perhubungan dalam Dumpiring memandang jalan ini merupakan kegunaan jalan utama untuk penduduk di kawasan tersebut.
- *31. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, Berapakah jumlah peruntukan untuk Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) Sri Tanjong sejak tahun 2020 sehingga kini termasuk tujuan penggunaannya.
- *32. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, adakah kerajaan akan mengeluarkan kawasan perkampungan yang telah lama wujud yang berada dalam kawasan tadahan air ataupun memindahkan terus penduduk perkampungan tersebut ke kawasan lain.
- *33. **YB. Datuk Hamild @ Hamid Bin Hj. Awang [Balung]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah tindakan pihak kementerian

terhadap lampu-lampu jalan yang tidak berfungsi sepanjang jalan protokol daripada sekolah Chung Hwa sehingga ke Lapangan Terbang Tawau.

- *34. **YB. Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, apakah usaha pihak kerajaan negeri bagi membantu sekolah-sekolah yang sering mengalami masalah banjir.
- *35. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status semasa bagi Projek Empangan Tawau.
- *36. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [LUYANG]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status projek pembangunan di Taman Tun Fuad, Bukit Padang sama ada tempat awam tersebut akan dibangunkan dan adakah akan melibatkan pembangunan komersil.
- *37. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II/ MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, adakah kerajaan mempunyai peruntukan khas atau perancangan jangka pendek atau panjang untuk menyelesaikan isu sungai yang cetek kerana hakisan yang berlaku di bahagian ulu sungai terutamanya pada musim tengkujuh dan menyukarkan para-para nelayan untuk keluar mencari rezeki.
- *38. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah langkah kerajaan bagi menyenggara jalan-jalan yang berada di kawasan Felda Sahabat.
- *39. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah Kerajaan Sabah bercadang untuk mewujudkan sebuah Unit *Aviation* untuk menangani dan mangawal sektor *aviation* di ruang udara Sabah.
- *40. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, Adakah kerajaan mempunyai rancangan bagi menambah sumber pendapatan tambahan bagi pekebun kecil kelapa sawit.
- *41. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah kaedah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di bulatan jalan yang terdapat struktur patung Helang dan juga bulatan jalan yang terdapat struktur patung Buaya.
- *42. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [LUYANG]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah status terkini berkenaan "*coring test*" yang dilakukan di Taman Kepayan Ridge, Luyang dan rancangan lanjut seterusnya kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul di tempat tersebut.

- *43. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah masalah yang dihadapi Loji Rawatan Air di Kinabatangan dan Segaliud yang kerap menyebabkan gangguan bekalan air di Sandakan
- *44. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [LUYANG]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah jumlah pengambilan penjawat awam Sabah yang memohon dengan menggunakan sijil UEC susulan sijil UEC diiktiraf oleh kerajaan negeri pada tahun 2019.
- *45. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, adakah cadangan untuk mengurangkan kadar cukai pintu bagi kawasan perumahan yang kerap mengalami masalah seperti kerosakan lampu jalan, rumput panjang, sampah sarap dan lain-lain.
- *46. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah punca kelewatan pelaksanaan projek bekalan air bersih ke Kampung Bakapit.
- *47. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [Luyang]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II;-**
- a) apakah penyelesaian secara holistik untuk mengatasi masalah projek perumahan sakit atau terbengkalai yang semakin serius di Sabah khususnya Kota Kinabalu; dan
 - b) apakah langkah yang diambil untuk membela golongan pembeli sekiranya satu projek perumahan menjadi terbengkalai.
- *48. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah langkah proaktif kementerian dalam berdepan sebarang bencana alam banjir lumpur yang banyak mendatangkan kerosakan dan kerugian harta benda.
- *49. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah kelulusan bagi naik taraf ke jalan berturap bagi jalan utama daripada Kampung Nangoh ke Kampung Pinunakan, daerah Telupid.
- *50. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, adakah perbincangan susulan dengan Kerajaan Persekutuan telah diadakan berhubung pemberian 40% hasil persekutuan di Sabah selepas ketetapan berkenaan pemberian khas diwartakan untuk tempoh lima tahun.

* Pertanyaan-pertanyaan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.